

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD  
TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 20**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh dijangka siap keseluruhan projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) dan boleh digunakan oleh rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebu Raya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting) (WCE) telah dibuka kepada pengguna secara berperingkat mulai tahun 2019.

Pembukaan pertama adalah pada 31 Mei 2019 bagi jajaran dari Persimpangan Bertingkat Hutan Melintang ke Persimpangan Bertingkat Teluk Intan. Pembukaan kedua adalah pada 23 September 2019 yang melibatkan dua seksyen lebu raya iaitu jajaran dari Persimpangan Bertingkat Kampung Lekir ke Persimpangan Bertingkat Changkat Cermin dan jajaran bermula dari Persimpangan Bertingkat Changkat Cermin ke Persimpangan Bertingkat Beruas. Pembukaan ketiga adalah pada 10 Disember 2019 bagi jajaran dari Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja (Selatan) ke Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja (Utara).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan seterusnya jajaran Lebu Raya WCE dijangka pada penghujung tahun 2021 manakala pembukaan jajaran terakhir dari Persimpangan Bertingkat Assam Jawa ke Persimpangan Bertingkat Tanjung Karang dijangka pada pertengahan Jun 2024. Status kemajuan keseluruhan Lebu Raya WCE berakhir 15 Jun 2020 adalah 66.28%.

Sekian, terima kasih.